

Nama:

Karangan

Pilih jawapan yang disediakan.

Tajuk: Saya sebuah kereta

dilahirkan	tempat	gembira	Pemilik
melihat	memandu	membeli	dipasang
badan	pemuda	kapal	seminggu

Aku sebuah kereta. Nama saya ialah "Proton Wira". Saya

1)_____ di sebuah kilang kereta yang terletak di negara Malaysia. Saya berwarna biru. 2)_____ diperbuat daripada besi. Badan saya 3)_____ dengan empat tayar.

Setelah siap, saya di hantar ke Negara Brunei Darussalam. Saya di hantar melalui kontena dengan menggunakan 4)_____.

Perjalanan saya dan kawan-kawan ke negara Brunei mengambil masa kira-kira lima hari. Setelah sampai saya pun di hantar ke kedai menjual kereta. Sebelum saya dipamerkan , badanku dibersihkan terlebih dahulu. 5)_____ kedai itu meletakkan harga dan keterangan mengenai diriku pada badanku.

Pada suatu hari, datang seorang 6)_____ ke kedai tempat saya dipamerkan. Nama pemuda itu ialah Encik Iskandar. Beliau 7)_____ saya selama satu jam. Beliau sangat tertarik melihat diri saya. Beliau terus 8)_____ saya dengan harga \$35, 000.00.

Encik Iskandar menjaga saya dengan baik. Beliau 9)_____ saya dengan cermat. Beliau memandu saya ke 10)_____ kerja tiap-tiap hari. Encik Iskandar mencuci saya dua kali 11)_____. Saya berasa 12)_____ dan bangga kerana mendapat tuan seperti ini.

